

**REVOLUSI PENGEDARAN FILEM CEREGA MELALUI INTERNET**

oleh:

**MOHAMMAD ADAM BIN ISMAIL**

PENGHASILAN PENULISAN ILMIAH INI ADALAH KHUSUS BAGI  
MEMENUHI SYARAT KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA  
TEKNOLOGI KREATIF DAN ARTISITIK (SKRIN) [KEPUJIAN]

CT223

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

DISEMBER 2012

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI (FiTA)**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM, SELANGOR**  
**SESI SEPTEMBER 2012**

**DENGAN INI MENGESENHKAN**  
**PELAJAR: MOHAMMAD ADAM BIN ISMAIL**  
**NO. PELAJAR: 2009926345**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN  
OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG DILANTIK OLEH FAKULTI  
FILEM, TEATER DAN ANIMASI (FiTA), UITM SHAH ALAM**

**DAN INI MENERIMA HASIL KERJA INI PADA**

15/11/13

**DIHADAPAN PENYELIA**  
**PROF. MADYA A. RAZAK MOHAIDEEN**

**TANDATANGAN**

**DEKAN**

**PROF. MADYA A. RAZAK MOHAIDEEN**

**PROF. MADYA A. RAZAK MOHAIDEEN**  
Dekan  
Fakulti Filem, Teater dan Animasi  
UITM Kampus Puncak Perdana  
40150 Shah Alam  
SELANGOR

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah (SWT), yang memiliki apa yang di langit dan di bumi dan bagi Nya segala puji di akhirat serta selawat ke atas junjungan mulia, Nabi Muhammad (SAW) yang diutuskan oleh-Nya untuk membawa berita gembira serta memberi peringatan untuk sekalian alam.

Segala kesyukuran dipanjangkan kepadamu, Ya Allah kerana kekuatan yang dikurniakan kepada hambamu ini dalam menempuh cabaran semasa melaksanakan kajian ilmiah ini.

Dengan penuh penghormatan dan jutaan terima kasih saya rakamkan kepada Penyelia saya iaitu Prof. Madya A. Razak Mohaideen atas bimbingan dan panduan yang dicurahkan serta kepercayaan yang diberikan sehingga kajian ilmiah ini berjaya dihasilkan. Selain itu kejayaan ini juga tidak mungkin dikecapi jika saya tidak dikelilingi oleh barisan pensyarah yang mulia dan rakan-rakan seperjuangan yang telah menghulurkan pelbagai bentuk sokongan. Walaupun nama anda tidak terukir di sini, dorongan anda tersemat rapi di jiwa saya.

Akhir kata, saya kalungkan penghargaan ini khas buat arwah bapa saya yang tercinta, serta limpahan kasih buat isteri dan anak-anak, ibu serta adik beradik saya yang sentiasa berdiri teguh di belakang saya selain tidak henti-henti mendoakan kejayaan dan kebahagiaan saya.

***MOHAMMAD ADAM B. ISMAIL***

## **ABSTRAK**

Secara amnya, wujudnya empat saluran pengedaran filem cereka di Malaysia, iaitu panggung wayang, televisyen kabel, DVD/VCD dan televisyen. Kaedah pengedaran lazim ini menyekat kemasukan pemain baru kerana hanya beberapa pemain utama sahaja yang memonopoli sebahagian besar dari jumlah filem yang diedarkan di Malaysia. Satu lagi halangan utama penyertaan pemain baru adalah kos tinggi yang terbabit dalam pengedaran secara fizikal filem cereka di Malaysia. Di Amerika Syarikat dan Eropah, Internet telah muncul sebagai alternatif baru untuk pengedaran filem cereka oleh syarikat penerbitan filem yang baru. Teknologi digital seperti *video streaming, video on demand, near video on demand* dan penambah baikan dalam sistem *digital rights management* telah membenarkan studio Hollywood mengedarkan filem mereka secara maya melalui Internet dengan selamat dan terkawal. Walaupun pengedaran filem cereka melalui Internet masih lagi diperingkat awal, laman web seperti Netflix, Hulu, Jaman, Amazon VOD dan Apple iTunes telah membuktikan bahawa teknologi mampu untuk mencetus satu revolusi dalam kaedah pengedaran filem cereka. Melalui kertas kajian ini, saya akan membentangkan secara amnya beberapa faktor yang menjadi pemangkin revolusi pengedaran filem cereka melalui Internet dan mengenalpasti samada sistem pengedaran baru ini relevan dan boleh diguna pakai di Malaysia untuk pengedaran filem cereka tempatan.

## **BAB 1**

### **1.0 PENGENALAN**

Bab ini akan menerangkan secara terperinci mengenai kajian yang akan dilakukan dalam 'Revolusi pengedaran filem cereka melalui Internet'. Dalam kajian ini, penulis akan melihat perkembangan teknologi yang terbabit dengan pengedaran filem cereka melalui Internet dan mengenalpasti samada kaedah ini boleh digunakan di Malaysia atau tidak. Bab ini akan disertakan dengan latarbelakang kajian, penyataan masalah, dua persoalan kajian, dua objektif kajian, signifikasi kajian, skop kajian dan rumusan yang akan dijadikan asas pada kajian yang dilakukan.